

Ref: K.P.8574/(22)

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

4hb. Ogos, 1971

Semua Ketua Pegawai Pelajaran,
Malaysia Barat.
Pengarah Pelajaran,
Sabah/Sarawak.

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1971
Permainan Catur di Sekolah-sekolah Menengah

Tuan sedia maklum bahawa Catur (Chess) ialah satu permainan yang memerlukan perancangan (planning), berfikiran jauh (forward thinking), pemusatan fikiran (concentration) dan akal yang berdisiplin (discipline of the mind). Sikap fikiran seperti ini adalah mustahak di dalam masyarakat yang progresif dan moden, khasnya di dalam bidang perdagangan dan perniagaan yang berasingan. Tidak syak lagi permainan catur akan memberi manfaat kepada murid-murid, khasnya murid-murid dari luar bandar.


2. Ketua-ketua Pegawai Pelajaran diminta untuk mengambil tindakan-tindakan yang berikut untuk menggalakkan permainan catur di semua Sekolah-sekolah Menengah khasnya di sekitar-sekitar luar bandar:-

- (a) Sekolah-sekolah hendaklah digalakkan untuk menubuhkan Kelab-kelab Catur. Kelab-kelab ini bukan sahaja untuk mengadakan pertandingan catur tetapi juga menubuhkan kelas-kelas latihan kepada murid-murid yang tidak tahu bermain catur.
- (b) Sekolah-sekolah hendaklah digalakkan untuk mengadakan pertandingan-pertandingan antara darjah dan piala-piala dihadiahkan sekiranya perlu.
- (c) Pertandingan Negeri pada peringkat Jajahan atau negeri boleh dianjurkan dan piala-piala yang sesuai dihadiahkan, sekiranya perlu.

(d) Kursus-kursus berkenaan permianan Catur hendaklah diadakan sekira perlu kepada Guru-guru, khasnya, dalam Sekolah-sekolah Menengah Luar Bandar.

3. Harap dapat tuan sampaikan isi kandungan surat pekeliling ini kepada perhatian semua Sekolah-sekolah Menengah.

Saya yang menurut perintah,



(Kum Boo)

Bahagian Sekolah-sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

s.k. Ketua Setiausaha.
Ketua Pengarah Pelajaran.
Timbalan Ketua Setiausaha.
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran.
Semua Ketua Bahagian.
Pegawai Perhubungan Umum.
Penolong Pengarah Sekolah (Sekolah Berasrama).

KB/rt